

'Mahathir dikembali ke pangkuan keluarga'

UM 30 SEP 2003

PUTRAJAYA 29 Sept. — Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali hari ini menyifatkan persaraan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah seperti memulangkan semula suaminya ke pangkuan keluarga.

Menurut Dr. Siti Hasmah, sepanjang 22 tahun Dr. Mahathir memimpin negara, beliau telah meminjamkan suaminya kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Kini Dr. Mahathir akan bersara pada akhir Oktober ini dan ia seperti bermakna suami saya telah dikembalikan semula kepada keluarga," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Dokumentari Sejarah 'Mahathir' terbitan Sistem Televisyen Malaysia Berhad, TV3, di Hotel Shangri-La, di sini hari ini.

Turut hadir di majlis itu ialah anak-anaknya, Datuk Mukhriz Mahathir, Datuk Mokhzani Mahathir dan Mirzan Mahathir.

Menjelang persaraan Dr. Mahathir, kata Dr. Siti Hasmah, beliau ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat Malaysia yang telah memberikan sokongan kepada Perdana Menteri sepanjang memimpin negara ini.

"Selain saya, rakyat telah banyak memberikan sokongan kepada beliau," katanya.

Sementara itu, Pengerusi TV3, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail ketika berucap di majlis pelancaran itu berkata, TV3 amat menghargai keputusan Dr. Mahathir yang mem-

berikan kebenaran menerbitkan rancangan dokumentari berkenaan.

"Kami berterima kasih kepada semua ahli keluarga, sahabat handai dan personaliti-personaliti yang mengenali beliau secara dekat kerana sudi ditemuramah untuk rancangan itu," katanya.

Program dokumentari Mahathir disiarkan setiap Ahad mulai pukul 9 malam dan akan berakhir pada 2 November depan. Ia telah pun disiarkan mulai semalam.

Secara keseluruhannya, program itu mengimbas kembali perjalanan hidup Dr. Mahathir dari sejak dila-

hirkan hingga ke saat beliau bertugas sebagai Perdana Menteri.

Turut dipaparkan ialah kehidupan serta pengalaman suka duka yang pernah beliau lalui.

Program Mahathir itu diterbitkan oleh Sa'adullah Che Noor dan dibantu oleh Mohd. Azri Atan dan Rishdy Mohd. Rosli.